

**HELAIAN MAKLUMAT PRODUK - SEWA BELI (HP)**  
*(Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini.)*



**KEMUDAHAN SEWA BELI**  
**Tarikh :**

**1. Apakah maklumat berkenaan dengan produk ini?**

Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian pembelian kenderaan. Setelah kemudahan diluluskan, suatu Perjanjian Sewa Beli akan dibuat di antara anda sebagai Penyewa dan Bank sebagai Pemunya kenderaan tersebut. Kadar caj terma bagi kemudahan Sewa Beli dikira berdasarkan kadar tetap atau berubah-ubah di sepanjang jangkamasa kemudahan tersebut kepada anda. Jangkamasa kemudahan tersebut adalah sehingga maksimum 9 tahun sahaja.

**2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?**

- (a) Jumlah pembiayaan : RM \_\_\_\_\_
- (b) Jangkamasa (tempoh pembayaran) \_\_\_\_\_ tahun ( \_\_\_\_\_ bulan)
- (c) Caj terma :
  - i. Kadar Tetap \_\_\_\_\_ % setahun  
Kadar Peratusan Tahunan \_\_\_\_\_ % setahun ATAU
  - ii. Kadar Berubah-ubah \_\_\_\_\_ % setahun

**3. Apakah tanggungjawab saya?**

- (a) Kadar Tetap
  - i. Ansuran sewaan bulanan RM \_\_\_\_\_ bagi tempoh \_\_\_\_\_ bulan dan ansuran terakhir sebanyak \_\_\_\_\_
  - ii. Jumlah yang kena dibayar RM \_\_\_\_\_

ATAU

- (b) Kadar Berubah-ubah \*
  - i. Ansuran sewaan bulanan RM \_\_\_\_\_ bagi tempoh \_\_\_\_\_ bulan dan ansuran terakhir sebanyak \_\_\_\_\_
  - ii. Jumlah yang kena dibayar RM \_\_\_\_\_

\*Bagi kemudahan di bawah Kadar Berubah-ubah, bayaran ansuran sewaan bulanan dan jumlah yang kena dibayar akan berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (KPA) berubah. Pihak Bank akan memberi notis bertulis sekurangan-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan perubahan ansuran bulanan.

Sebagai Penyewa, anda bertanggungjawab untuk membayar bayaran ansuran pada masanya dan memastikan yang kenderaan yang dibiayai sentiasa dilindungi insurans dengan secukupnya.

**4. Berapakah caj lain yang perlu dibayar?**

Fi Kena Bayar	RM	Penerangan / Servis	RM
Duti Setem - Tanpa Penjamin	20	Caj salinan	10
Duti Setem - Dengan Penjamin	60	Caj kurier, faks dan telefon	10
Caj e-hakmilik	3.24	Gambar berwarna	30
Caj Surat Menyurat - Tanpa Penjamin	10	Kos pengangkutan untuk pemeriksaan kereta	30
Caj Surat Menyurat - Dengan Penjamin	20	Fi pengendalian	30
		Fi penilaian	10

**5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan saya?**

Jika anda mula mengalami kesulitan untuk membuat pembayaran sewaan bulanan, anda dinasihatkan untuk menghubungi Bank dengan segera supaya kami dapat membantu anda mencari jalan penyelesaian secepat mungkin. Akibat daripada kegagalan memenuhi tanggungjawab membayar sewaan bulanan anda ialah:-

<b>Penalty Bayaran Lewat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Untuk sewa beli, penalti pembayaran lewat sebanyak 8% setahun pada jumlah tunggakan yang dikira setiap hari akan dikenakan.</li> <li>ii. Untuk kadar yang berubah-ubah, penalti lewat 2% di tambah kadar semasa (BLR+penyebaran) dari segi bayaran yang akan dikenakan.</li> </ul>
<b>Hak Penyelesaian</b>	Pihak Bank berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit di dalam akaun simpanan/semasa anda yang dibuka dengan kami dengan apa-apa jumlah yang tertunggak dalam akaun kemudahan ini dengan memberi anda tujuh (7) hari notis terlebih dahulu
<b>Tindakan Undang Undang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Bank sebagai Pemilik berhak untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut.</li> <li>ii. Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan baki tertunggak yang perlu dibayar terhadap kemudahan ini. Tindakan ini akan menjaskan kedudukan kredit anda.</li> </ul>

- a) Pengambilan semula akan berlaku apabila :-
- (i) Tiada pembayaran bagi dua bayaran ansuran sewaan bulanan berturut-turut, ATAU
  - (ii) Kegagalan membayar ansuran terakhir, ATAU
  - (iii) Tiada pembayaran bagi empat bayaran ansuran sewaan bulanan berturut-turut oleh waris jika penyewa telah meninggal dunia.
- b) Aturcara Pengambilan Semula:-
- (i) Pihak Bank akan mengeluarkan Notis Tentang Tujuan Mengambil Semula Milikan (menurut Seksyen 16(1) Akta Sewa Beli 1967 (Akta Sewa Beli). Notis ini (selalunya dirujuk sebagai Notis Jadual Ke 4) memberi anda sebagai penyewa 21 hari untuk melunaskan tunggakan ansuran.
  - (ii) Jika tiada pembayaran di buat dalam masa 14 hari selepas Notis Jadual Ke 4 dikeluarkan, satu notis menurut Peraturan 15 di bawah Peraturan-Peraturan Sewa-Beli (Permohonan Permit dan Aturcara Pengambilan Semula Milikan) 2011 akan dikeluarkan, memberitahu anda tentang hasrat Bank sebagai Pemunya untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut selepas tamatnya tempoh Notis Jadual ke 4 tersebut.
  - (iii) Selepas tamatnya tempoh yang diberikan, Bank boleh memulakan tindakan pengambilan semula milikan dengan mengeluarkan Perintah Pengambilan Semula Milikan kepada pengambil semula milikan yang diberi kuasa untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut.

Walaubagaimanapun, bagi kes-kes di mana jumlah ansuran yang telah dibayar oleh penyewa melebihi 75% daripada harga tunai asal kenderaan tersebut, pihak Bank akan mendapatkan Perintah Mahkamah terlebih dahulu dan kemudian mengambil langkah-langkah di dalam 5(b)(i),(ii) dan (iii) seperti di atas.

- c) Tindakan Pengambil Semula Milikan
- (i) Pengambil Semula Milikan yang diberi kuasa ialah pemegang permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Ko-operasi dan Pengguna yang akan melakukan pengambilan semula milikan dengan membawa dokumen-dokumen berikut:-
    - Perintah Pengambilan Semula Milikan yang dikeluarkan oleh Bank,
    - Perintah Mahkamah (jika terpakai) untuk mengambil semula milikan.
  - (ii) Dalam melaksanakan pengambilan semula milikan, pengambil semula milikan mestilah menyediakan untuk diperiksa dan dipastikan, dokumen-dokumen yang tersebut di atas beserta dengan Kad Pengenalan dan Permitnya.
  - (iii) Pengambil Semula Milikan mestilah mengikuti garis panduan dan kod etika yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk yang diwujudkan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Sewa-Beli Malaysia (AHPCM).

Selepas mengambil semula milikan, Bank akan mengeluarkan Notis Menebus Kembali (juga dikenali sebagai Notis Jadual ke 5) yang memberi anda 21 hari untuk melakukan salah satu daripada perkara berikut :-

- a. Membayar semua jumlah yang tertunggak dan perbelanjaan yang berkaitan yang dibayar oleh pihak Bank untuk mengambil semula milikan kenderaan (termasuk bayaran pengambil semula milikan, menarik kenderaan, penyimpanan dan sebagainya), ATAU
- b. Membayar keseluruhan baki jumlah bagi kemudahan ini , termasuk perbelanjaan yang dibayar oleh pihak Bank (seperti di atas), ATAU
- c. Memperkenalkan pembeli untuk membeli kenderaan tersebut pada harga yang tercatat di dalam notis.

Bank boleh menjual/melupuskan kenderaan tersebut samada secara lelongan awam atau jualan persendirian bagi tujuan mendapatkan semula jumlah terhutang di bawah kemudahan Sewa Beli jika penyewa gagal memenuhi tarikh akhir 21 hari pada jadual 5 atau notis menebus kembali

#### **6. Bagaimana jika saya menjelaskan baki pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Anda berhak untuk mendapatkan rebat bila membuat penyelesaian awal untuk kemudahan yang berkadar tetap sahaja. Rebат ini adalah pemulangan sebahagian daripada caj terma (keuntungan) yang dikira mengikut formula yang dinyatakan di dalam Akta Sewa Beli.

#### **7. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insuran takaful?**

Ya. Perlindungan insurans/takaful adalah wajib di bawah Akta Sewa Beli 1967. Anda diwajibkan menginsurangkan kenderaan tersebut sehingga kemudahan Sewa beli itu dibayar sepenuhnya. Anda juga perlu untuk memberitahu Pemunya tentang pembaharuan insuran/takaful dalam masa 14 hari sebelum luputnya polisi.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang maklumat kepada butir-butir perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu Bank apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## **9. Dimana saya boleh mendapatkan bantuan untuk maklumat lanjut?**

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran bulanan, anda harus menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan anda. Kami boleh dihubungi di :

Automobile Financing, Malayan Banking Bhd  
Dataran Maybank,  
No.1 Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur  
Tel : 03-22972304/ 2191  
Fax : 03-22972020

Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel : 1-800-88-2575  
Email/ : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax/ Faks : 03-21741515  
Email : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## **10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang kemudahan Sewa Beli, sila rujuk kepada laman web [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) di bawah pembiayaan Sewa Beli atau sila kunjungi Pusat Pembiayaan Automobil yang berhampiran.

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Maklumat Produk ini.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama :

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR  
ANSURAN PEMBIAYAAN SEWA BELI ANDA**

Maklumat dalam helaian maklumat produk ini adalah sah pada : Mac 2024